



Idealisme Anak Muda dalam Politik Malaysia

SEJAK belakangan ini, golongan anak muda sentiasa menjadi fokus utama dalam kehidupan bernegara. Malah, sebahagian daripada kepimpinan anak muda semakin serasi dengan gelanggang politik.

Suatu masa dahulu, gelanggang politik sangat ditakuti oleh majoriti rakyat. Namun begitu, bagi sesetengah anak muda yang berkeinginan menjadi pemimpin, politik merupakan platform bagi menjuarai isu rakyat, apatah lagi jika mereka berjaya dipilih oleh rakyat untuk menduduki pelbagai institusi pentadbiran kerajaan.

Keterujaan dan penglibatan anak muda dalam kepimpinan politik pada masa kini agak terserlah. Lebih-lebih lagi apabila beberapa orang ahli parlimen dalam kalangan anak muda menang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Tambah menarik pada ketika itu apabila Syed Saddiq Syed Abdul Rahman yang berusia 26 tahun dan juga Ahli Parlimen Muar telah diamanahkan menerajui Kementerian Belia dan Sukan.

Beliau mengambil inisiatif drastik dengan menurunkan had umur mengundi 21 tahun kepada 18 tahun. Rang Undang-undang ini telah diluluskan di Dewan Rakyat dengan mendapat dua pertiga sokongan majoriti. Signifikannya, banyak pihak melihat masa hadapan yang cerah dalam agenda memperjuangkan nasib anak muda di negara ini. Pada

3 Julai 2019, menyaksikan peristiwa bersejarah apabila Menteri Belia dan Sukan mengumumkan bahawa Dewan Rakyat meluluskan pindaan Rang Undang-undang 668 Had Umur Belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun dan had pemegang jawatan.

Tidak dinafikan bahawa kewujudan banyak universiti awam (UA) dan universiti swasta (US), serta pusat pendidikan tinggi telah berjaya melahirkan banyak pemimpin muda yang berpengetahuan, berwibawa, berketerampilan dan berwawasan. Pada peringkat universiti, mahasiswa menjalani proses pembelajaran, mewujudkan rangkaian kerjasama sesama mereka, bekerjasama dengan pertubuhan bukaan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan swasta. Di sinilah berlakunya proses pembinaan ilmu, pengalaman dan kemahiran kepimpinan.

Sudah tiba masanya, semua pihak perlu menilai perubahan pemikiran secara positif dalam kalangan anak muda. Pada masa kini, istilah belia semakin jarang-jarang digunakan. Hal ini disebabkan ada persepsi yang menyatakan bahawa istilah belia terlalu formal, skema dan kurang kreatif. Kebanyakan orang pada masa

kini lebih cenderung menggunakan istilah anak muda yang digambarkan sarat dengan idealisme, kreatif, inovatif, berwawasan, berinformasi teknologi, malah mampu menandingi kepimpinan yang sedia ada.

Golongan anak muda merupakan pemimpin pada masa hadapan. Oleh itu, barisan kepimpinan negara pada hari ini perlu memberikan peluang untuk menampilkan lebih banyak tokoh muda yang berkelayakan untuk berada dalam Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. Hal ini dapat menjadi platform pembuatan dasar dan polisi pada semua peringkat pentadbiran kerajaan selaras dengan penurunan had umur belia kepada 30 tahun dan hak layak mengundi 18 tahun. Namun begitu, golongan anak muda perlu memahami bahawa kepimpinan merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul dengan penuh hikmah demi menyejahterakan rakyat dan negara.

Realitinya, golongan anak muda pada masa kini tidak mahu hanya menjadi penonton dan pendengar. Mereka ingin terlibat dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar negara. Apatah lagi dasar yang berkaitan dengan keperluan dan

kepentingan mereka seperti pekerjaan, sokongan kehidupan dan kemajuan internet. Golongan muda juga berharap agar pemimpin yang sedia ada dapat memberikan semangat, sokongan dan motivasi kepada anak muda negara untuk dijadikan azimat dalam berhadapan dengan suasana negara yang mencabar pada hari ini.

Penglibatan anak muda dalam politik negara sememangnya signifikan. Statistik menganggarkan bahawa sebanyak 7.8 juta orang pengundi baharu akan didaftarkan sebagai pemilih dalam Daftar Pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk tempoh lima tahun. Oleh itu, kerajaan perlu meningkatkan usaha untuk memberikan kesedaran kepada warganegara yang layak mengundi untuk mendaftar sebagai pemilih. Perubahan ini sudah tentu dapat mengubah landskap dan senario politik tanah air pada masa hadapan kerana pengundi muda kini menjadi penentu kepada pembentukan sesebuah kerajaan lebih-lebih lagi apabila jumlah anak muda melebihi 48 peratus daripada jumlah pengundi keseluruhan.

Pada tahun 2018 hingga 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif untuk meminda beberapa peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) untuk memberi ruang kepada mahasiswa berpolitik di kampus. Pindaan akta ini sekali gus membolehkan mahasiswa yang terlibat dalam aktiviti politik dapat mengikut lunas demokrasi. Selain itu, mereka boleh menyuarakan pendapat mengenai isu semasa pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Begitu pun, masih ada pihak yang meragui kematangan berpolitik dalam kalangan anak muda. Hal inilah yang menjadi antara cabaran politik anak muda yang perlu terus diberikan perhatian untuk menjamin kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat pelbagai kaum dan budaya. Golongan anak muda perlu memiliki idealisme

dan kematangan politik pada tahap yang tinggi. Misalnya, setiap ucapan perlu sentiasa menjaga sensitiviti kaum dan agama ketika menyuarakan pendapat. Lazimnya, pemimpin muda yang muncul secara segera tersulam dengan agenda kepentingan peribadi yang mampu menghancurkan masa hadapan negara.

Selain itu, ada juga yang meragui kebolehan anak muda untuk membuat pilihan ketika pilihan raya berlangsung. Hal ini dikatakan demikian kerana anak muda mempunyai pemikiran tersendiri dalam kehidupan semasa dan suka sesuatu yang baharu. Walhal, kematangan seseorang merujuk kedewasaan cara berfikir. Banyak pihak yang keliru dan menganggap apa-apa yang berlaku sebagai hasil kerja akademik. Persoalannya, adakah dengan mengikuti pengajian formal dalam bidang sains politik, seseorang itu mampu mencapai kematangan politik? Penganalisis politik turut mendapati banyak dalam kalangan orang muda yang memiliki latar belakang pendidikan tinggi kurang rasional ketika menyuarakan pendapat. Tanpa kajian yang mendalam, mereka sering membuat pernyataan yang tidak masuk akal dan menyerlahkan kepentingan peribadi daripada menjaga kepentingan negara. Kematangan politik seseorang juga boleh dinilai melalui pandangan atau tindakan yang diluahkan mengenai isu politik khususnya atau kenegaraan amnya. Selain itu, anak muda juga perlu bersedia untuk menerima kritikan daripada pihak lain dalam keadaan emosi yang stabil. Asasnya ialah bagaimana seseorang itu menguruskan perbezaan melalui nilai peradaban yang tinggi. Perkara ini masih boleh diperhatikan apabila terdapat segelintir pemimpin anak muda di negara ini yang berupaya menonjolkan diri sebagai seorang yang berkaliber dan dihormati.

Tidak dinafikan bahawa sistem pendidikan formal amat penting dalam melahirkan kematangan berpolitik, namun kematangan tersebut merupakan nilai peradaban yang tinggi dan tidak mungkin boleh dicapai menerusi sistem pendidikan formal semata-mata. Secara umum, banyak pengkaji menyatakan pembentukan sifat kewarganegaraan disokong oleh proses pembelajaran dan kematangan.

Kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) terutamanya media sosial menyebabkan anak muda pada masa kini lebih cenderung untuk mengetahui tentang hal ehwal politik. Peluang ini perlu dimanfaatkan sebaik-baik mungkin oleh institusi sosial dalam proses sosialisasi politik belia ke arah membentuk kematangan politik mereka. Jika kesempatan ini tidak dimanfaatkan, sukar untuk negara membina kematangan politik dalam kalangan generasi muda yang dikhuatiri boleh menggugat keharmonian negara pada masa akan datang.

Pada masa yang sama, pihak kerajaan khususnya KPM dan Kementerian Pengajian Tinggi perlu memikirkan mekanisme yang terbaik agar mahasiswa di UA dan US dapat bergiat aktif di kampus. Pelajar tingkatan enam juga tidak terkecuali. Hal ini mempunyai kaitan dengan statistik SPR yang menunjukkan sebanyak 18.8 juta orang anak muda layak mendaftar sebagai pemilih menjelang PRU ke-15.

Sebenarnya, Malaysia merupakan antara negara yang agak lewat menurunkan had umur mengundi kepada 18 tahun. Dalam kalangan negara ASEAN, negara yang membenarkan umur 18 tahun mengundi ialah Filipina, Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam. Indonesia pula menetapkan umur 17 tahun untuk layak mengundi. Singapura pula satu-satunya negara

yang masih mengekalkan umur 21 tahun untuk layak mengundi.

Sehubungan itu, Majlis Belia Malaysia (MBM) yang menaungi pertubuhan belia di seluruh negara berharap agar kerajaan mempertimbangkan cadangan penubuhan Kumpulan Khas Penasihat Anak Muda Berkepakaran. Badan ini bertujuan untuk menasihati, memberikan idea dan bekerja bersama-sama kepimpinan kerajaan secara langsung bagi membangunkan belia dan negara.

Dalam sejarah Malaysia, kita telah menyaksikan kepimpinan anak muda yang menggerakkan kesedaran dalam kalangan rakyat untuk menuntut ilmu bagi menyaingi dasar kolonial. Pada awal abad ke-20, muncul golongan anak muda berpendidikan agama yang memperkenalkan diri mereka sebagai Kaum Muda. Dengan dorongan ilmu pengetahuan, idealisme perjuangan dan semangat kental, mereka menggerakkan kemajuan dalam kalangan orang Melayu. Selain itu, muncul golongan guru muda, lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris yang turut memperjuangkan pembangunan dan kemajuan orang Melayu. Mereka menyebarkan ilmu dan turut terlibat dalam hal ehwal siasah menerusi Kesatuan Melayu Muda 1937 pimpinan Ibrahim Yaakob. Begitu juga dengan kepimpinan anak muda yang menerajui persatuan negeri lulusan Maktab Melayu Kuala Kangsar.

Dalam proses menuju kemerdekaan, didapati banyak anak muda yang terlibat dalam pergerakan pemuda, antaranya Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Dalam era moden, penglibatan anak muda lelaki dan wanita begitu ketara dalam pelbagai sayap parti yang berdaftar termasuklah UMNO, Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Parti Pribumi Bersatu

(Bersatu), Parti Warisan Sabah (WARISAN), dan sebagainya. Malah ada juga kepimpinan anak muda yang bermula dengan NGO, seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan persatuan kebajikan lain.

Pada September 2019, seluruh kepimpinan pergerakan belia negara menghadiri Kongres Belia Negara di Johor Bahru bagi menggagaskan hala tuju, nasib dan strategi dalam menghadapi pelbagai cabaran negara semasa. Kongres tersebut berjaya menggegarkan negara dengan menghantar mesej yang jelas bahawa pergerakan anak muda akan terus hidup dengan idealisme perjuangan. Seluruh pergerakan anak muda amat teruja dengan kepimpinan Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. Baginda sudi mencemar duli mendengar rintihan dan permasalahan pergerakan anak muda. Berikutan itu, pada September 2020, Sultan Johor berkenan melantik Tunku Mahkota Johor sebagai penaung dan penggerak pembangunan anak muda di Johor. Kesemua ini bertujuan untuk mengarusperdanakan peranan anak muda dalam pembangunan negara.

Bagi menghadapi PRU ke-15, pemimpin dalam kalangan anak muda perlu bersiap sedia dengan pelbagai cabaran dan rintangan. Golongan anak muda perlu mempersiapkan diri dan memperkukuh struktur parti politik yang diwakili dalam semua peringkat – pusat, negeri, bahagian dan cawangan. Proses pendaftaran ahli perlu dibuat secara teratur dan sistematik. Kesemua barisan kepimpinan dan ahli perlu memiliki kesatuan pemikiran dan tindakan berasaskan matlamat, misi dan visi parti masing-masing. Manifesto perjuangan parti sepatutnya sudah diuar-uarkan di seluruh negara menerusi media sosial agar dapat difahami rakyat. Penggunaan TMK perlu dimaksimumkan untuk berkongsi perkembangan dan aktiviti parti. Begitu juga dengan ruangan interaktif

yang diperlukan untuk menjalinkan hubungan antara masyarakat awam dengan kepimpinan parti. Penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok perlu digunakan secara meluas sebagai alat perhubungan politik semasa.

Pada hakikatnya, jelas terdapat perubahan pemikiran dalam kalangan anak muda untuk turut terlibat dalam arus perdana politik negara. Hal ini menyanggah sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa golongan anak muda hanya mementingkan hiburan semata-mata. Selain itu, literasi politik dalam kalangan anak muda perlu disertai dengan kefahaman perlembagaan negara, negeri, undang-undang dan institusi pentadbiran awam. Selain itu, pindaan perlembagaan yang membolehkan anak muda berusia 18 tahun menjadi pengundi berdaftar turut membuka ruang demokrasi yang lebih besar dan memupuk minat kepada proses politik dalam kalangan anak muda yang menjadi kunci kepada pembudayaan aktiviti berpolitik secara sihat.

Anak muda perlu menjadi sebahagian daripada proses yang menentukan polisi yang melibatkan mereka, terutamanya dalam bidang sosioekonomi. Ruang perbahasan dan perdebatan juga akan memberikan pendedahan dan kefahaman tentang pelbagai isu yang terkait dengan golongan muda. Kesemua ini memerlukan reformasi sistem dan budaya agar budaya politik Malaysia kelihatan matang dan demokratik. Kini, tugas anak muda adalah untuk mempersiapkan diri mereka dengan intipati dan idealisme agar kehadiran mereka dalam arena politik negara mampu menyumbang secara berimpak kepada pembangunan sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat. □

Penulis ialah Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.